

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG
RENGGAM]**
TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian dan perancangan pihak Kementerian sama ada ingin membenarkan Institut Pengajian Tinggi Awam/Institut Pengajian Tinggi Swasta mengambil pelajar asing untuk mendaftar dan belajar secara online tanpa perlu mereka berada di tanah air seperti yang dilakukan di negara-negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mendukung hasrat kerajaan untuk melaksanakan pendidikan terbuka ke arah pendemokrasian pendidikan tertiar. Justeru, selain pendidikan yang dikendalikan secara konvensional atau proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka, terdapat juga kaedah PdP yang dijalankan secara terbuka contohnya melalui medium elektronik atau dalam talian (*online*).

Program pengajian secara Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh atau dengan izin, *Open and Distance Learning* (ODL) ini telah diperuntukkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Kementerian sememangnya membenarkan IPTA/IPTS mendaftarkan pelajar asing dan meneruskan PDP secara dalam talian tanpa perlu mereka berada di tanah air.

KPT juga telah menyarankan pihak IPTA dan IPTS bersedia sepenuhnya dalam menyediakan platform pendidikan digital yang fleksibel, bermaklumat dan boleh diakses dengan baik oleh para pelajar walau di mana pun mereka berada.

Pada masa hadapan, adalah dijangkakan lebih banyak institusi yang akan mengendalikan pembelajaran secara ODL dan pihak KPT sentiasa menyokong usaha-usaha semua pihak dalam mewujudkan sistem pendidikan yang fleksibel serta memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat menerapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.